

18/10/2001

TPM mahu imej pengurusan hutan negara dipulih segera

Nadzim Ahmad Jamalludin

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kempen penerangan di dalam dan luar negara diperhebatkan bagi meningkatkan kesedaran serta mengatasi masalah tanggapan negatif mengenai pengurusan hutan di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tanggapan negatif itu adalah gejala zaman globalisasi dan teknologi maklumat yang perlu ditangani bersama.

Sehubungan itu, katanya, tulisan dan hujah bernas perlu dikumpul dan disebar seluas-luasnya.

"Kita juga memerlukan bahan rujukan yang lebih berkesan serta telus. Ini termasuk Internet dalam memberi penerangan ke seluruh dunia.

"Saya suka mengingatkan dalam era dunia tanpa sempadan dan kemunculan teknologi maklumat dan komunikasi yang serba canggih, kita tidak sepatutnya tertumpu kepada persaoalan dan isu yang bersifat tempatan saja tetapi juga yang bersifat sejagat atau global.

"Wujudnya prasarana teknologi maklumat yang semakin canggih memberikan satu dimensi baru dalam mengurus sumber hutan negara," katanya pada majlis sambutan ulang tahun ke-100 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) di sini, malam ini.

Pada majlis sama, beliau yang mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan buku sejarah JPSM yang bertajuk Sustaining Our Green Heritage dan sampul surat pertama sempena sambutan ulang tahun ke-100 JPSM.

Turut hadir Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Ketua Pengarah Perhutanan, Datuk Zul Mukhshar Datuk Md Shaari.

Abdullah berkata, pemuliharaan hutan dalam memastikan kestabilan alam sekitar dan kepelbagaian hayat adalah tanggungjawab bersama oleh negara-negara maju dan membangun.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun usaha yang diambil kalangan negara-negara selatan termasuk Malaysia dalam menangani isu mengenai hutan secara seimbang, bijaksana dan bersepadu, pandangan yang tidak adil masih terus difokuskan kepada hutan tropika.

"Dalam menangani isu mengenai perhutanan, negara-negara maju perlu mengambil tanggungjawab bersama dengan memenuhi komitmen pemberian bantuan kewangan dan teknologi yang dijanjikan kepada negara-negara membangun.

"Pendekatan yang lebih seimbang serta kesediaan mengambil tanggungjawab bersama oleh negara maju dan membangun, adalah perlu supaya isu-isu mengenai perhutanan dapat ditangani dengan sebaik mungkin," katanya.

Abdullah berkata, industri perhutanan di Malaysia berkembang dengan begitu pesat dan ia memberi pekerjaan kepada lebih kurang 250,000 orang serta sumber pendapatan kepada kira-kira sejuta rakyat negara ini.

Beliau berkata, bagi tahun 2000 saja, jumlah eksport barangan berasaskan kayu mencapai RM17.7 bilion iaitu lima peratus daripada pendapatan eksport negara.

"Tentulah amat tidak adil sekiranya kita dipaksa menghentikan saja industri yang begitu besar dalam masa sumber hutan negara diurus dengan begitu teliti.

"Justeru, kita perlu menerokai bidang baru bagi melahirkan pengurus hutan yang berkebolehan.

"Hanya dengan berbekalkan ilmu pengetahuan yang cukup barulah kita mampu mengurus sumber hutan negara dengan lebih cekap dan berkesan," katanya.

(END)

